

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin]  
**TARIKH** : 16 Oktober 2014 [ Khamis ]  
**SOALAN** : Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang kemajuan projek Pembangunan Rancangan Jelapang Padi (IADA) di Rompin agar ianya boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat khususnya dalam bidang sektor makanan.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kawasan seluas 5,094 hektar telah dikenal pasti sebagai Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di Rompin yang boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat khususnya dalam sektor makanan. Bagi meningkatkan

produktiviti di samping merealisasikan pembangunan padi secara komersial di kawasan ini, kerja-kerja pembangunan secara menyeluruh yang meliputi infrastruktur dan pengairan serta pengendalian dan penyelenggaraan akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Bermula bulan Januari 2013, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil langkah awal untuk menubuhkan IADA Rompin secara interim. Antara tindakan yang telah diambil adalah:

- (i) mengisi perjawatan IADA Rompin dengan menggunakan perjawatan sedia ada secara pentadbiran yang melibatkan perjawatan keseluruhan sebanyak 23 perjawatan;
- (ii) melantik pegawai dan kakitangan secara *Contract For Service* (CFS) bagi menampung kekurangan tenaga kerja yang diperlukan untuk menjalankan operasi;
- (iii) mewujudkan pejabat sementara IADA Rompin dengan menggunakan dan mengubahsuai pejabat Jabatan/Agensi sedia ada iaitu menggunakan Pejabat Pertanian Daerah Rompin.
- (iv) menguruskan perolehan aset yang merangkumi kenderaan, harta modal dan peralatan ICT.

Manakala pembangunan keseluruhan kawasan penanaman padi di IADA Rompin, Pahang akan dibuat secara berperingkat bagi tempoh 2015 hingga 2020 yang meliputi infrastruktur, pengairan dan saliran, perolehan tanah dan pembinaan kompleks pejabat.

Dengan tertubuhnya IADA Rompin ini, infrastruktur sedia ada terutamanya sistem pengairan dan saliran bagi kawasan-kawasan tersebut dapat dipertingkat bagi membolehkan bekalan pengairan yang lebih berkesan di keseluruhan kawasan projek.

Dengan pembukaan kawasan baharu dan peningkatan kemudahan infrastruktur jelapang padi IADA Rompin, jumlah pengeluaran padi di kawasan Rompin dijangka dapat ditingkatkan kepada 30,564 tan metrik semusim dengan sasaran purata hasil padi sebanyak 6 tan metrik sehektar menjelang tahun 2020 berbanding pada tahun 2012 iaitu hanya sebanyak 11,259 tan metrik dengan purata hasil padi sebanyak 3.7 tan metrik sehektar.

Penubuhan IADA Rompin juga akan memberi kesan positif pada produktiviti pengeluaran padi dan pendapatan pesawah padi di kawasan tersebut. Purata pendapatan pesawah pada tahun 2012 di kawasan IADA Rompin adalah sebanyak RM3,885 sehektar semusim dan dijangka meningkat kepada RM7,200 sehektar semusim menjelang tahun 2020.

Menerusi pendekatan IADA juga, corak tanaman telah berubah dimana terdapat sesetengah kawasan IADA dan jelapang padi juga sesuai ditanam dengan buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Secara tidak langsung, penubuhan IADA turut menarik minat peladang untuk menceburi bidang tanaman yang lain sebagai

tanaman sampingan sekaligus dapat mempelbagaikan sumber pendapatan peladang.

Secara keseluruhannya, penubuhan IADA dapat menyumbang kepada jaminan bekalan makanan dalam negara dan memastikan krisis bekalan makanan sepertimana yang berlaku pada tahun 2008 tidak lagi berulang.